



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
PENGUMUMAN RASMI
KRISIS COVID-19:**

**STATUS KEHADIRAN KE KAMPUS DALAM KALANGAN PELAJAR DENGAN
SEJARAH PERJALANAN DARI SABAH**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar yang dikasihi,

1. Selaras dengan surat Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, KKM.600-29/4/146 Jld.6 (18) bertarikh 25 September 2020, pihak pengurusan universiti memutuskan bahawa pelajar dengan sejarah perjalanan dari **Sabah** adalah dikehendaki **'MENANGGUHKAN'** kehadiran secara fizikal ke kampus **berkuatkuasa serta merta** mulai tarikh surat ini dikeluarkan.
2. Penangguhan ini meliputi perkara berikut;
 - a. Pelajar yang akan menduduki Peperiksaan akhir Fasa 2 yang dijadualkan pada 5 sehingga 16 Oktober 2020 dan peperiksaan akhir Fasa 3 yang dijadualkan pada 19 sehingga 30 Oktober 2020, pihak universiti akan mengadakan peperiksaan khas.
 - b. Pelajar yang mempunyai kerja makmal yang dijadualkan pada 14 September sehingga 2 Oktober 2020, pelajar hendaklah menghubungi Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwat Pelajar) fakulti masing masing untuk penjadualan semula kerja makmal.
 - c. Pelajar baharu dan kanan sesi akademik 2020/2021, kehadiran ke kampus dibenarkan setelah perintah kawalan tamat.
3. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bagi pelajar yang terlibat dengan penangguhan ini akan dilaksanakan secara dalam talian.

4. Sehubungan dengan itu, semua pelajar diingatkan untuk sentiasa peka terhadap sebarang pemakluman rasmi, mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari masa ke semasa.
5. Pelajar boleh menghubungi Bilik Gerakan di talian 09-549 3333 atau 09-424 6999 sekiranya ada sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah.



PROFESOR. DATO. Ts. DR YUSERRIE BIN ZAINUDDIN

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Tarikh: 26 September 2020

s.k Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Pendaftar I Ketua Pegawai Operasi
Bendahari I Ketua Pegawai Kewangan
Ketua Pustakawan
Penasihat Undang-Undang
Semua Dekan Kanan I Dekan I Pengarah I Ketua Jabatan
Semua Staf Akademik dan Pentadbiran

#StaySafe

#StayStrong

#StayAtHome

#AmalkanPenjarakanSosial

#KitaJagaKita